

## Sasar perolehan koperasi sekolah RM500 juta

**KUALA TERENGGANU**  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan perolehan pendapatan koperasi sekolah di negara ini mencapai RM500 juta pada tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya optimis sasaran itu mampu dicapai, berdasarkan perolehan dalam tempoh enam bulan pertama pada tahun lalu mencapai RM245.1 juta.

Jumlah itu katanya, sangat memberangsangkan berdasarkan perolehan keseluruhan sepanjang tahun 2015 berjumlah RM338.9 juta.

"Selain mempelbagaikan aktiviti koperasi sekolah, Angkasa kini sedang membantu bahagian Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik untuk menggabungkan 89 koperasi. Kita jangkakan paling lewat, pertengahan tahun ini usaha menggabungkannya akan tercapai.

"Ada beberapa proses yang kita perlu lalui termasuk berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Apabila ia ter-



Abdul Fattah (duduk, tengah) ketika sidang media, selepas merasmikan Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka 2017 di Hotel Tanjung Vista.

laksana, usaha menambahkan perolehan koperasi ini mampu dicapai.

"Ia juga seiring dengan matlamat kerajaan untuk menubuhkan perusahaan sekolah, di mana gabungan koperasi Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik ini akan diperkasakan lagi, melalui penambahan produk dan meluaskan pasaran mereka," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka 2017 yang berlangsung di Hotel Tanjung Vista, di sini.

Bengkel tiga hari dua malam itu disertai pengetua dan guru koperasi di Melaka, yang antara lain membincangkan usaha memperkasakan lagi koperasi sekolah.

Jelas Abdul Fattah, kini terdapat 2,349 koperasi sekolah di seluruh negara dengan jumlah keahlian hampir 2 juta.

"Pihak Angkasa menyasarkan pada 2020, akan ada sekurang-kurangnya 50 sekolah yang perolehannya melebihi RM1 juta. Saya yakin ia dapat dicapai kerana sekarang ini, ada lebih 300 sekolah yang perolehannya melebihi RM500,000.

"Kalau nak buat lonjakan itu, mereka perlu pelbagaikan aktiviti daripada menjual alat tulis kepada barang yang mempunyai pasaran lebih besar seperti keperluan harian dan barang kering," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia